

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
KAWASAN : BATU KAWAN

SOALAN NO. 193

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dengan jelas senarai peruntukan yang diagihkan dan senarai jalan Persekutuan di Parlimen Batu Kawan untuk tujuan menaik taraf dan menyelenggarakan semua jalan-jalan ini dan senaraikan tempoh masa atau *timeline* peruntukan tersebut akan disalurkan kepada JKR negeri untuk menjalankan kerja-kerja tersebut memandangkan ada projek yang terbengkalai sejak RMK-9.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian ini mendapati terdapat **empat (4)** laluan Jalan Persekutuan di kawasan Parlimen Batu Kawan iaitu:-

- 1) Laluan **FT001**, Jalan Butterworth – Ipoh ialah sepanjang 23.60 km;
- 2) Laluan **FT149**, Jalan Bukit Tambun ialah sepanjang 2.70 km;
- 3) Laluan **FT150**, Jalan Pa Boi ialah sepanjang 2.46 km; dan
- 4) Laluan **FT3112**, Jalan Perindustrian Prai ialah sepanjang 3.30 km.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyenggaraan di Jalan Persekutuan adalah dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan. Skop kerja penyenggaraan yang terlibat adalah seperti penyenggaraan rutin, berkala pavemen, berkala bukan pavemen dan kerja kecemasan kecil.

Kerja penyenggaraan rutin adalah seperti penampalan lubang jalan (pothole), penyenggaraan bahu jalan, memotong rumput, penyenggaraan perabot jalan, mencuci saluran, penyenggaraan pembetung dan jambatan serta rondaan rutin dilaksanakan mengikut pusingan kerja yang telah ditetapkan dalam Kontrak Perjanjian.

Bagi kerja penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen pula, ia dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan senarai keutamaan penyenggaraan berkala yang diterima dari setiap Negeri. Kerja kecemasan kecil akan dilaksanakan oleh syarikat konsesi jika berlaku kejadian kecemasan yang memerlukan kerja dilaksanakan segera.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan di kawasan Parlimen Batu Kawan ialah sebanyak **RM9,458,671.36** bagi tahun 2018 sehingga Julai 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan menunjukkan tiada projek di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya yang terbengkalai semenjak RMKe-9 di kawasan Parlimen Batu Kawan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Medical Officer (MO), Pharmacist dan Dentist yang ditawarkan Kontrak Tetap mengikut negeri dan juga peratusan di setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Mac 2020, jumlah Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi yang telah dilantik kontrak sejak Disember 2016 adalah seramai 28,071 orang. Pecahan mengikut skim perkhidmatan adalah seperti berikut:

- (i) Pegawai Perubatan melibatkan 18,838 orang;
- (ii) Pegawai Pergigian melibatkan 4,130 orang; dan
- (iii) Pegawai Farmasi melibatkan 5,103 orang.

2. Pegawai yang berjaya dilantik secara tetap adalah merupakan bakat terbaik yang telah melepasi syarat yang ditetapkan berdasarkan merit dan tertakluk kepada bilangan kekosongan jawatan tetap semasa pertimbangan tersebut. Tiada sebarang kuota mengikut negeri yang ditetapkan.

SOALAN NO. 194

3. Sehingga 31 Mac 2020, bilangan pegawai yang telah ditawarkan pelantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah seperti berikut:

- (i) 571 orang Pegawai Perubatan dengan perincian mengikut negeri serta peratusan adalah seperti berikut:
 - (a) Perlis - 13 orang (2.27%);
 - (b) Kedah – 74 orang (12.95%);
 - (c) Pulau Pinang – 45 orang (7.88%);
 - (d) Perak - 61 orang (10.68%);
 - (e) WP Kuala Lumpur dan Putrajaya – 51 orang (8.93%);
 - (f) Selangor – 42 orang (7.35%);
 - (g) Negeri Sembilan – 24 (4.20%);
 - (h) Melaka – 52 orang (9.10%);
 - (i) Johor – 72 orang (12.60%);
 - (j) Pahang – 25 orang (4.37%);
 - (k) Terengganu – 22 orang (3.85%);
 - (l) Kelantan - 8 orang (1.40%);
 - (m) Sarawak – 56 orang (9.80%);
 - (n) Sabah - 20 orang (3.50%);
 - (o) Wilayah Persekutuan Labuan - tiada; dan
 - (p) Hospital Universiti – 6 orang (1.05%).

- (ii) 346 orang Pegawai Pergigian dengan perincian mengikut negeri serta peratusan adalah seperti berikut:
 - (a) Perlis – 15 orang (4.33%);
 - (b) Kedah – 27 orang (7.80%);
 - (c) Pulau Pinang – 20 orang (5.78%);
 - (d) Perak – 18 orang (5.20%);
 - (e) Selangor – 49 orang (14.16%);
 - (f) WP Kuala Lumpur dan Putrajaya – 10 orang (2.89%);
 - (g) Negeri Sembilan – 27 orang (7.8%);
 - (h) Melaka – 22 orang (6.35%);
 - (i) Johor – 38 orang (10.98%);
 - (j) Pahang – 14 orang (4.04%);

SOALAN NO. 194

- (k) Terengganu – 37 orang (10.69%);
- (l) Kelantan – 44 orang (12.71%);
- (m) Sarawak – 8 orang (2.31%);
- (n) Sabah – 16 orang (4.62%); dan
- (o) Wilayah Persekutuan Labuan – 1 orang (0.28%).

(iii) 519 orang Pegawai Farmasi dengan perincian mengikut negeri serta peratusan adalah seperti berikut:

- (a) Perlis – 6 orang (1.15%);
- (b) Kedah – 39 (7.51%);
- (c) Pulau Pinang – 60 orang (11.56%);
- (d) Perak – 92 orang (17.72%);
- (e) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – 49 orang (9.44%);
- (f) Selangor – 81 orang (15.60%);
- (g) Negeri Sembilan – 20 orang (3.89%);
- (h) Melaka – 21 orang (4.04%);
- (i) Johor – 27 orang (5.20%);
- (j) Pahang – 35 orang (6.74%);
- (k) Terengganu – 25 orang (4.81%);
- (l) Kelantan – 16 orang (3.08%);
- (m) Sarawak – 27 orang (5.20%);
- (n) Sabah – 10 orang (1.92%);
- (o) Wilayah Persekutuan Labuan – 2 orang (0.38%); dan
- (p) IKN/IPR/ HTA – 9 orang (1.73%).

Sekian, terima kasih.